

Isu keganasan: NGO sokong PM

UM 25 JAN 2003

DAVOS (Switzerland) 24 Jan. — Pandangan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengenai punca keganasan yang perlu ditangani di peringkat akar umbi mendapat sokongan kumpulan hak asasi manusia dan badan bukan kerajaan (NGO), walaupun Amerika Syarikat (AS) masih dengan pendirian yang berbeza.

Bercakap dalam sesi pleno bertajuk "Bagaimana Memerangi Keganasan akan Mengubah Dunia" di hari kedua Forum Ekonomi Dunia (WEF) ke-33 di sini hari ini, Perdana Menteri berkata, kegiatan penganas boleh dikurangkan jika tahu puncanya.

"Kita perlu mengenakan tekanan untuk menghapuskan puncanya dan menangkap mereka yang dikenali sebagai penganas," katanya.

Dr. Mahathir berkata, adalah mustahil untuk mendapat hasil yang sempurna dalam usaha menangani kegiatan keganasan.

"Kita perlu membuat pendekatan yang terbuka walaupun ia tidak akan memberi kepuasan kepada setiap orang," katanya.

Setiausaha Agung dan Ketua Pegawai Eksekutif sebuah organisasi hak asasi manusia, Civicus-World Alliance for Citizen Participation, Kumi Naidoo dan Pengerah RAND, sebuah organisasi percambahan pendapat, di Washington, Bruce Hoffman bersependapat dengan pandangan Dr. Mahathir manakala Peguam Negara AS, John Ashcroft pula memberi pandangan yang berbeza.

Ahli panel lain yang membincangkan topik itu ialah Presiden Columbia, Alvaro Urbe Velez. Ia dikendalikan oleh penyampai BBC World TV, United Kingdom, Nik Gowing.

Hoffman bersetuju dengan kenyataan Dr. Mahathir bahawa semua pihak harus mencari punca keganasan dari akar umbi sebagaimana yang dilakukan di Malaysia dalam menangani kumpulan yang cuba melakukan huru hara. Baginya, isu keganasan

tidak bermula pada 11 September 2001.

Naidoo pula berkata, cabaran untuk menangani keganasan dari akar umbi adalah perkara yang fundamental.

Katanya, bagaimanapun isu demokrasi dan undang-undang kemanusiaan tidak boleh dikompromi dalam usaha menangani keganasan.

Ashcroft pula berkata, Amerika juga mahu memenangi hati dan pemikiran rakyat tetapi keadaannya mungkin berbeza kerana ia membabitkan penganas yang berbeza, memerlukan usaha dan tenaga yang berbeza juga.

"Saya tidak pasti saya bersetuju dengan punca penganasan. Keganasan adalah serangan terhadap peraturan dan undang-undang. Ia berbeza situasi, bukan pendekatan sejagat.

"Saya menjadi orang yang bongkak jika mengatakan saya tahu mengenai semua keadaan penganas termasuk di Malaysia sendiri," katanya. — *Utusan*